

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH : 10 – 17 MAC 2017

KERATAN AKHBAR

Perikanan

SelangorKini 10 - 17 Mac 2017 | 17

## Tiada caj jeti RM600

**KLANG** - Kerajaan Negeri menafikan caj pendaftaran jeti RM600 bagi tempoh setahun sudah dikenakan di seluruh Selangor.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, ia cadangan asas dibawa Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan tidak pernah dimuktamadkan sebelum ini seperti digembar-gemburkan.

Katanya, Kerajaan Negeri sudah meneliti dan menolak cadangan berkenaan selepas mengambil kira pelbagai aspek.

"Diharap orang ramai semak terlebih dahulu sebarang maklumat dengan pimpinan negeri atau dapatkan daripada sumber sahih seperti akhbar rasmi, SelangorKini.

"Sebelum ini, Kerajaan Negeri sudah meminta LUAS menyemak semula cadangan itu dan dikaji. Akhirnya kita membuat keputusan untuk tidak melaksanakannya.

"Kita cuma jalankan bincian untuk mengenal pasti jenis jeti seperti milik awam, swasta, tradisi dan dibezakan mengikut caj serta yang lain," katanya di

hadapan lebih 100 nelayan di Majlis Penyerahan Bantuan Nelayan di Kampung Delek Kanan, di sini, pada 3 Mac lalu.

Terdahulu, Kerajaan Negeri dilaporkan meneliti keperluan mengenakan caj pendaftaran jeti bagi menyelenggara 1,350 jeti di Selangor terutama yang sudah uzur.

Zaidy berkata, Kerajaan Negeri sudah melakukan bincian di seluruh jeti bagi menyelesaikan isu tanah seterusnya membolehkan jeti uzur dinaik taraf atau dibaiki.

"Kita memang mahu bantu tetapi masalah besar adalah tanah seperti isu Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan pajakan yang menjadi halangan.

"Jadi kita sudah lakukan bincian dan bermula di Sekinchan dan akan berikan LPS terlebih dahulu sebelum pajakan diberikan kepada pihak sewajarnya.

"Selepas isu tanah selesai, baru Kerajaan Negeri dapat lihat apa yang boleh dilakukan sama ada untuk naik taraf jeti atau yang lain mengikut keperluan," katanya.



UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800